

10 projek pemangkin lonjak semula nadi ibu kota

WARISAN KL PACU TRANSFORMASI BUDAYA

AZLAN ZAMBRY

KUALA Lumpur dijangka mengalami kebangkitan semula sebagai kota berbudaya menerusi pelaksanaan 10 projek pemangkin utama di bawah inisiatif Warisan KL seperti diumumkan Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif**.

Berucap dalam Sesi Taklimat Media Warisan Kuala Lumpur di Menara DBKL 1, Maimunah berkata inisiatif tersebut merupakan strategi jangka panjang bagi mengembalikan semula fungsi kawasan teras bandar raya sebagai pusat warisan, kebudayaan dan komuniti.

“Warisan KL bukan sekadar pelan fizikal atau estetika. Ia adalah usaha bersepadu untuk menghidupkan semula nadi sejarah Kuala Lumpur melalui pendekatan budaya yang inklusif dan berimpak tinggi,” katanya.

Inisiatif itu menggariskan 10 projek utama yang menyasarkan pemulihan lokasi ikonik ibu negara termasuk Dataran Merdeka, Carcosa Seri Negara, Merdeka 118 dan Stesen Keretapi Kuala Lumpur.

Projek-projek tersebut turut melibatkan pemerkasaan kawasan perdagangan tradisional, pembangunan jaringan koridor hijau bandar, pemuliharaan zon warisan keagamaan serta pengukuhan ekosistem seni dan kandungan kreatif tempatan.

Maimunah menjelaskan bahawa

setiap projek yang dikenal pasti akan memainkan peranan sebagai pemangkin ekonomi dan sosial, termasuk memperkukuh industri kreatif serta menjana peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.

“Warisan KL disusun berteraskan prinsip Malaysia MADANI dan Rancangan Struktur Kuala Lumpur 2040. Ia turut menyokong penyertaan bandar raya ini dalam rangkaian UNESCO Creative Cities, sekali gus mengangkat martabat Kuala Lumpur sebagai bandar budaya bertaraf antarabangsa,” katanya.

Menurutnya pelaksanaan keseluruhan inisiatif dijangka memberi impak ekonomi berjumlah RM7.85 bilion dan menarik lebih sembilan juta pelawat baharu ke ibu kota dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Sesi taklimat turut dihadiri Pengarah Urusan Think City, **Datuk Hamdan Abdul Majeed**, yang menyifatkan Warisan KL sebagai kerangka strategik penting dalam memastikan kesinambungan identiti Kuala Lumpur sambil memenuhi keperluan pembangunan moden.

“Warisan KL adalah hasil kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), dan pelaksanaannya akan menggabungkan kekuatan sektor awam, swasta dan komuniti



MAIMUNAH menjelaskan bahawa Warisan KL disusun berteraskan prinsip Malaysia MADANI dan Pelan Struktur KL 2040.

secara holistik,” katanya.

Inisiatif Warisan KL merangkumi kawasan seluas 20 kilometer

persegi yang melibatkan Zon Teras dan Zon Penampakan di sekitar muara Sungai Klang dan Sungai Gombak —

lokasi bersejarah yang menjadi titik permulaan kewujudan Kuala Lumpur pada tahun 1857. 